

**Anwar sokong Azmin dalam jawatan MB Selangor, kata perlukan konsensus
Malaysian Insider
May 11, 2013
Oleh Md Izwan**

KUALA LUMPUR, 11 Mei — Datuk Seri Anwar Ibrahim tampil menyokong gesaan Azmin Ali supaya menjalankan proses perundingan sebelum melantik menteri besar selepas dakwaan sebelum ini mengatakan pencalonan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dibuat tanpa melalui proses demokratik.

Penasihat PKR tersebut juga tampil mencadangkan parti menimbang untuk menyingkirkan Abdul Khalid semasa ditemubual Sinar Harian, sambil menegaskan rundingan juga perlu membincangkan tentang calon yang mungkin dilantik.

"Saya tak ada masalah Tan Sri Khalid. Tapi masalahnya ... bukan masalah tapi perlu satu perbincangan. Apakah ada calon lain, kemuka nama lain, nak teruskan?" kata Anwar yang dipetik dalam Sinar Harian hari ini.

Anwar walau bagaimanapun menambah mereka akan menyelesaikan pertikaian tersebut dalam tempoh beberapa hari lagi.

Pergelutan jawatan menteri besar tersebut mengheret PKR ke arah krisis kepimpinan dengan timbalan presidennya secara terbuka menuduh parti mengamalkan "nepotisma" apabila Azmin mendakwa proses memilih Abdul Khalid dilakukan tanpa melalui proses rundingan. Pertikaian jawatan menteri besar menjadi perkara yang dibangkitkan selepas Azmin yang dikatakan juga bersaing untuk jawatan tersebut berkemungkinan akan meninggalkan PKR ekoran sokongan parti tersebut ke atas pentadbiran Abdul Khalid.

Namun, Azmin menolak spekulasi tersebut dalam satu sidang akhbar hari ini dimana beliau diapit oleh beberapa barisan kepimpinan PKR Selangor, ia juga petanda bantahan terhadap kemungkinan pelantikan semula Abdul Khalid sebagai ketua eksekutif negeri.

Walaupun ADUN Bukit Antarabangsa tersebut berulang-kali cuba mengelak apabila dihujani dengan soalan-soalan tentang pencalonan dirinya untuk mengisi jawatan tersebut, timbalan presiden PKR tersebut telah membuat beberapa sindiran sinis terhadap isu perlantikan Abdul Khalid.

Beliau berulang-ulang sepanjang sidang akhbar itu berkata pentadbiran Abdul Khalid dipenuhi dengan aduan "pita merah" dan pada masa sama mendakwa kerajaan negeri tidak pernah responsif kepada isu-isu yang dihadapi oleh pengundi.

"Dalam jangka kedua, mesti ada reformasi pentadbiran (Selangor). Kami mempunyai simpanan sebanyak RM2.6 bilion tetapi ini bermakna apa-apa jika tiada manfaat yang dirasakan oleh rakyat.

"Rakyat mahu sebuah kerajaan yang responsif... terdapat aduan sampah tidak diambil, masalah pembentungan, jalan tidak dibaiki," katanya, sambil menambah bahawa aduan telah dibawa ke kepimpinan pusat PKR beberapa kali sebelum ini.

Azmin menafikan kritikan tersebut adalah berkaitan dengan isu pertikaian jawatan menteri besar dan bantahan tersebut dibuat oleh pengundi Selangor dan ADUN di negeri tersebut.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/anwar-sokong-azmin-dalam-jawatan-mb-selangor-kata-perlukan-konsensus/>